

MOH/K/GIG/23-2020 (GU)



**Program Kesihatan Pergigian  
Kementerian Kesihatan Malaysia**

**GARIS PANDUAN  
PENGENDALIAN PERKHIDMATAN PERGIGIAN  
*OUTREACH* MELALUI PASUKAN PERGIGIAN  
BERGERAK, KLINIK PERGIGIAN BERGERAK  
DAN MAKMAL PERGIGIAN BERGERAK**

**November 2020**

## **Hakcipta**

Hakcipta terpelihara, tiada bahagian dari terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam apa jua bentuk mekanikal atau elektronik kecuali setelah mendapat kebenaran penerbit.

No. Siri Penerbitan KKM: MOH/K/GIG/23-2020 (GU)

## **Diterbitkan oleh**

Program Kesihatan Pergigian  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 5, Blok E10, Kompleks E, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya  
Tel: +603-8883 4215  
Faks: +603-8888 6133  
Emel: *ohd@moh.gov.my*  
Laman Web: *http://ohd.moh.gov.my*

## **Cadangan penulisan rujukan**

Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Pergigian. Garis Panduan Pengendalian Perkhidmatan Pergigian *Outreach* Melalui Pasukan Pergigian Bergerak, Klinik Pergigian Bergerak dan Makmal Pergigian Bergerak. November 2020.



**PRAKATA**  
**Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)**  
**Kementerian Kesihatan Malaysia**

Perkhidmatan Kesihatan Pergigian secara *outreach* adalah satu perkhidmatan yang amat penting dalam pemberian perkhidmatan pergigian kepada masyarakat. Ini adalah bertujuan meningkatkan kebolehcapaian perkhidmatan pergigian kepada rakyat. Selain dari itu ia dapat membantu mereka yang mengalami kesukaran bagi mendapatkan rawatan pergigian terutamanya di kawasan pedalaman, luar bandar serta bandar.

Buku garis panduan ini adalah unik kerana ia telah merangkumkan secara menyeluruh 3 prosedur operasi piawai dalam satu buku garis panduan dan semestinya amat bermanfaat kepada warga kerja pergigian sebagai rujukan semasa menjalankan tugas dalam penyampaian perkhidmatan pergigian secara *outreach* demi mengoptimumkan pengendalian serta pengurusan Pasukan Pergigian Bergerak (PBB), Klinik Pergigian Bergerak (KPB) serta Makmal Pergigian Bergerak (MPB).

Garis panduan yang komprehensif ini juga telah menggariskan langkah-langkah keselamatan untuk anggota pergigian menggunakan dalam pengangkutan darat, air dan udara demi mengurangkan risiko. Akhir kata dengan adanya garis panduan ini, adalah diharap dapat memberikan perkhidmatan *outreach* yang lebih selamat, berkualiti serta dapat memenuhi keperluan masyarakat. Syabas, tahniah dan ribuan terima kasih diucapkan kepada ahli jawatankuasa dan semua yang terlibat dalam menyediakan garis panduan ini.

Sekian, terima kasih.

**DR. NOORMI BINTI OTHMAN**  
Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

# **JAWATANKUASA KERJA**

## **Penasihat**

Dr. Noormi Binti Othman  
Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)  
Program Kesihatan Pergigian

Dr. Leslie Sushilkumar A/L D Geoffrey  
Pengarah Bahagian Penjagaan Kesihatan Pergigian  
Program Kesihatan Pergigian

## **Ahli Jawatan Kuasa Kerja**

Dr Maznah Bt Mohd Nor  
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Selangor  
Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Selangor

Dr Cheng Lai Choo  
Timbalan Pengarah  
Program Kesihatan Pergigian

Dr. Amdah Bt Mat  
Timbalan Pengarah  
Program Kesihatan Pergigian

Dr Nurul Ashikin Bt Abdullah  
Timbalan Pengarah  
Program Kesihatan Pergigian

Dr Nuryastri Binti Md Mustafa  
Pegawai Pergigian Daerah  
Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Gombak

Dr. Wan Salina Bt Wan Sulaiman  
Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Kelantan

Dr. Mohd Zaid Bin Abdullah  
Pegawai Pergigian Daerah  
Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Batu Pahat

Dr. Rathmawati Binti Ahmad  
Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Sabah

Dr Siti Nur Fatimah Binti Abdul Halim  
Ketua Penolong Pengarah,  
Program Kesihatan Pergigian

Dr Nurfarhana Binti Mohd Yusop  
Ketua Penolong Pengarah,  
Program Kesihatan Pergigian

Puan Maimun Bt Che Amin  
Penyelia Juruterapi Pergigian,  
Program Kesihatan Pergigian

En Zainudin Bin Abdul Majid  
Juruteknologi Pergigian  
Program Kesihatan Pergigian

## PENGHARGAAN

Terima kasih diucapkan kepada Jawatankuasa *Standard Operational Procedure (SOP)* Keselamatan Kakitangan Pasukan Pergigian Bergerak Menggunakan Pengangkutan Air yang telah berkerjasama menghasilkan garis panduan ini.

Dr. Lawrence Man Hon Kheong  
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Sabah  
Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Sabah

Dr. Rohana Binti Abu Kassim  
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Pahang  
Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Pahang

Dr. Nama Bibi Saerah Binti Abd Karim  
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Kedah  
Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Kedah

Dr. Zaiton Binti Haji Tahir  
Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Sabah

Dr. Faizah Binti Kamaruddin  
Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Program Kesihatan Pergigian

Dr. Azliza Binti Dato' Haji Zabha  
Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Program Kesihatan Pergigian

Dr. Asmawati Binti Sharkawi  
Pegawai Pergigian Bahagian Sibul  
Pejabat Pergigian Bahagian Sibul, Sarawak

Dr. Zuhty Binti Hamzah  
Pegawai Pergigian Kawasan Kudat  
Pejabat Pergigian Kawasan Kudat, Sabah

Dr. Sai Baha Raja A/L Selva Raja  
Pegawai Pergigian Kawasan Tawau  
Pejabat Pergigian Kawasan Tawau, Sabah

Dr. Siti Masnira Binti Jamian  
Penolong Pengarah Kanan  
Program Kesihatan Pergigian

Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia juga mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan Garis Panduan Pengendalian Perkhidmatan Pergigian *Outreach* Melalui Pasukan Pergigian Bergerak, Klinik Pergigian Bergerak Dan Makmal Pergigian Bergerak ini.

## KANDUNGAN

PRAKATA	iii
JAWATANKUASA KERJA	iv
PENGHARGAAN	vi
<b>1. PENGENALAN</b>	<b>1</b>
<b>2. OBJEKTIF</b>	<b>1</b>
<b>3. SKOP</b>	<b>2</b>
<b>4. DEFINISI</b>	<b>2</b>
4.1 Perkhidmatan Pergigian <i>Outreach</i>	2
4.2 Pasukan Pergigian Bergerak (PPB)	2
4.3 Klinik Pergigian Bergerak (KPB)	2
4.4 Makmal Pergigian Bergerak (MPB)	2
<b>5. PELAKSANAAN</b>	<b>3</b>
5.1 PASUKAN PERGIGIAN BERGERAK	3
5.1.1 Perancangan Sebelum Aktiviti/Lawatan PPB	3
5.1.1.1 Persediaan PPB Menggunakan Pengangkutan Darat	3
5.1.1.2 Persediaan PPB Menggunakan Pengangkutan Air	4
5.1.1.3 Persediaan PPB Menggunakan Pengangkutan Udara	5
5.1.2 Semasa Aktiviti/Lawatan PPB Menggunakan Pengangkutan Darat, Air Dan Udara	6
5.1.3 Selepas Aktiviti/Lawatan PPB Menggunakan Pengangkutan Darat, Air Dan Udara	6
5.1.4 Keperluan Sumber Manusia Untuk PPB	7
5.1.5 Pengurusan Aset Dan Kenderan Untuk PPB	7
5.1.6 Proses Kerja Di PPB	7
5.2 KLINIK PERGIGIAN BERGERAK	7
5.2.1 Perancangan Sebelum Aktiviti/Lawatan KPB	7

5.2.2 Semasa Aktiviti/Lawatan KPB	8
5.2.3 Selepas Pelaksanaan Aktiviti KPB	9
5.2.4 Keperluan Sumber Manusia Untuk KPB	9
5.2.5 Pengurusan Aset Dan Kenderaan Untuk KPB	9
5.2.6 Proses Kerja KPB	9
<b>5.3 MAKMAL PERGIGIAN BERGERAK</b>	<b>10</b>
5.3.1 Perancangan Sebelum Aktiviti/Lawatan MPB	10
5.3.2 Semasa Pelaksanaan Aktiviti/Lawatan MPB	10
5.3.3 Selepas Pelaksanaan Aktiviti/Lawatan MPB	11
5.3.4 Keperluan Sumber Manusia Untuk MPB	11
5.3.5 Pengurusan Aset Dan Kenderaan Untuk MPB	12
5.3.6 Proses Kerja MPB	12
<b>6. PEMANTAUAN DAN PENILAIAN</b>	<b>12</b>
6.1 Pasukan Pergigian Bergerak	12
6.2 Klinik Pergigian Bergerak	13
6.3 Makmal Pergigian Bergerak	14
<b>7. CAJ/BAYARAN PERKHIDMATAN PESAKIT</b>	<b>14</b>
<b>8. LANGKAH KESELAMATAN</b>	<b>15</b>
8.1 PPB, KPB dan MPB	15
8.1.1 PPB Menggunakan Pengangkutan Darat, KPB dan MPB	15
8.1.2 PPB Menggunakan Pengangkutan Air	17
8.1.3 PPB Menggunakan Pengangkutan Udara	19
<b>9. KESIMPULAN</b>	<b>20</b>
<b>10. RUJUKAN</b>	<b>21</b>

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Nama Lampiran	Muka surat
1	Senarai Semak Persediaan Bagi Pemandu Sebelum Memulakan Perjalanan.	23
2	Borang Permohonan Pergerakan/Pinjaman Aset Alih, KEW.PA-9	24
3	Proses Kerja Pergerakan, Penjagaan Dan Keselamatan Aset Bagi Perkhidmatan Pergigian <i>Outreach</i>	25
3a	Buku Pergerakan Kunci Bilik Rawatan Pergigian	26
4	Pengendalian Peralatan Pergigian Semasa Menggunakan Pengangkutan Darat	27
4a	Carta Alir Pengendalian Peralatan Pergigian Semasa Menggunakan Pengangkutan Darat	28
5	Borang Permohonan Untuk Bertugas Rasmi Di Luar Pejabat	29
6	Senarai Semak Persediaan Bagi Anggota Pasukan Pergigian Bergerak Yang Menggunakan Pengangkutan Air	30
7	Pengendalian Peralatan Pergigian Semasa Menggunakan Pengangkutan Air	31
7a	Pengendalian Peralatan Pergigian Semasa Menggunakan Pengangkutan Air	32
8	Pengendalian Peralatan Pergigian Semasa Menggunakan Pengangkutan Udara	33
8a	Pengendalian Peralatan Pergigian Semasa Menggunakan Pengangkutan Udara	34
9	Senarai Semak Persediaan Bagi Anggota Pasukan Pergigian Bergerak Yang Menggunakan Pengangkutan Udara	35
10	Senarai Semak Senarai Pergerakan Aset Bagi Sebelum/Tamat Aktiviti <i>Outreach</i> Program Kesihatan Pergigian KKM	36
11	Senarai Semak Tugas Pemandu Selepas Tamat Perjalanan	37
12	Senarai Kelengkapan Di Pasukan/Klinik/Makmal Pergigian Bergerak Dan Jadual Penyelenggaraan Berkala (PPM)	38
12a	<i>Genset Service And Maintenance Intervals Schedule</i>	39
13	Proses Kerja Pasukan Pergigian Bergerak	40

14	Proses Kerja Perkhidmatan Klinik Pergigian Bergerak	42
15	Senarai Peralatan Dan Inventori Makmal Pergigian Bergerak	43
16	Proses Kerja Makmal Pergigian Bergerak Aktiviti Pembuatan Dentur Penuh/Sebahagian	44
17	Borang Pemeriksaan Aset Alih, KEW.PA-11	51
18	Laporan Pemeriksaan Aset Alih, KEW.PA-12	52
19	Format Reten KPB Versi 2/2014	53
20	Laporan Penggunaan Klinik Pergigian Bergerak	54
21	Perbelanjaan Keseluruhan Penggunaan Klinik Pergigian Bergerak	55
22a	Kajian Kepuasan Pelanggan Luaran – Klinik Pergigian Bergerak	56
22b	Kajian Kepuasan Pelanggan Dalaman – Klinik Pergigian Bergerak	57
23	Rekod Penggunaan Makmal Pergigian Bergerak	58
24	Kajian Kepuasan Pelanggan Luaran – MPB	59
25	Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bil. 1 Tahun 2013	61
26	Senarai Perkara Dan Kategori Dalam Pengurusan Pemandu	65
27	Keselamatan Kenderaan Dan Tanggungjawab Pemandu	66
28	Senarai Perkara Utama Dalam Pengurusan Perjalanan Dan Risiko	67
29	Tindakan Anggota Kesihatan Pergigian Dalam Situasi Kenderaan Rosak Atau Terkandas Dalam Perjalanan	68
29a	Carta Alir Tindakan Anggota Kesihatan Pergigian Dalam Situasi Kenderaan Rosak Atau Terkandas Dalam Perjalanan	69
30	Tindakan Anggota Kesihatan Pergigian Dalam Situasi Kemalangan Jalanraya	70
30a	Carta Alir Tindakan Anggota Kesihatan Pergigian Dalam Situasi Kemalangan Jalanraya	71
31	Tindakan Anggota Kesihatan Pergigian Dalam Situasi Kebakaran Kenderaan	72
31a	Carta Alir Tindakan Anggota Kesihatan Pergigian Dalam Situasi Kebakaran Kenderaan	73

32	Carta Alir Pengurusan Kehilangan Dan Hapus Kira Aset Alih Kerajaan	74
33	Borang Aduan Kerosakan Aset Alih, KEW.PA-10	75
34	Laporan Awal Kehilangan Aset Alih, KEW.PA-33	76
35	Senarai Perkara Utama Dalam Sistem Pengurusan Dan Jaminan Kualiti Penggunaan Pengangkutan Darat: Data Dan Rekod	77
36	Panduan Langkah-langkah Keselamatan Bagi Anggota Pasukan Pergigian Bergerak Menggunakan Pengangkutan Air	78
37	Tindakan Anggota Pasukan Pergigian Bergerak Dalam Situasi Bot Rosak Atau Terkandas Dalam Perjalanan	79
37a	Carta Alir Tindakan Anggota Pasukan Pergigian Bergerak Dalam Situasi Bot Rosak Atau Terkandas Dalam Perjalanan	80
38	Tindakan Anggota Pasukan Pergigian Bergerak Dalam Situasi Bot Karam	81
38a	Carta Alir Tindakan Anggota Pasukan Pergigian Bergerak Dalam Situasi Bot Karam	82
39	Tindakan Anggota Pasukan Pergigian Bergerak Dalam Situasi Terjatuh Ke Dalam Air Dari Jeti Atau Bot	83
39a	Carta Alir Tindakan Anggota Pasukan Pergigian Bergerak Dalam Situasi Terjatuh Ke Dalam Air Dari Jeti Atau Bot	84
40	Tindakan Anggota Pasukan Pergigian Bergerak Dalam Situasi Kebakaran Atas Bot	85
40a	Carta Alir Tindakan Anggota Pasukan Pergigian Bergerak Dalam Situasi Kebakaran Atas Bot	86
41	Tindakan Anggota Pasukan Pergigian Bergerak Dalam Situasi Rampasan Bot (Hijack)	87
41a	Carta Alir Tindakan Anggota Pasukan Pergigian Bergerak Dalam Situasi Rampasan Bot (Hijack)	88
42	Senarai Perkara Utama Dalam Sistem Pengurusan Dan Jaminan Kualiti Penggunaan Pengangkutan Air: Data Dan Rekod	89
43	Senarai Perkara Utama Dalam Sistem Pengurusan Dan Jaminan Kualiti Penggunaan Pengangkutan Udara: Data Dan Rekod	90
44	Kompilasi Senarai Lampiran	91

## 1. PENGENALAN

Perkhidmatan kesihatan pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) disampaikan secara statik di fasiliti pergigian atau secara *outreach*. Perkhidmatan pergigian secara *outreach* adalah bertujuan untuk meningkatkan aksesibiliti perkhidmatan pergigian kepada masyarakat. Konsep ini diperkenalkan selaras dengan hasrat kerajaan untuk merakyatkan perkhidmatan pergigian bagi memastikan tahap kesihatan pergigian rakyat Malaysia berada pada tahap yang optimum.

Majoriti perkhidmatan pergigian sekolah disampaikan melalui Pasukan Pergigian Bergerak (PPB) memandangkan terdapat kekangan dari segi penyediaan fasiliti klinik pergigian di kebanyakan sekolah. Klinik Pergigian Bergerak (KPB) pula digunakan untuk memberi perkhidmatan di mana-mana kawasan mengikut keperluan kesihatan, samada kawasan bandar atau pedalaman. Makmal Pergigian Bergerak (MPB) pula memberi perkhidmatan dentur (gigi palsu) kepada rakyat yang mempunyai kesukaran untuk datang ke klinik pergigian.

*Standard Operating Procedure* (SOP) sebelum ini disediakan secara berasingan bagi PPB, KPB dan MPB. Tujuan garis panduan ini diwujudkan adalah bagi menyeragamkan dan mengoptimumkan pengendalian dan pengurusan PPB, KPB dan MPB secara komprehensif dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian dengan tambahan langkah keselamatan yang meliputi elemen pergerakan, penjagaan dan keselamatan aset. Sehubungan itu, SOP PPB, KPB dan MPB dimansuhkan dengan adanya garis panduan ini.

## 2. OBJEKTIF

Garis Panduan ini digunapakai untuk perkhidmatan pergigian secara *outreach* di Kementerian Kesihatan Malaysia bagi

- 2.1 Memastikan keseragaman dan kelancaran perkhidmatan pergigian melalui PPB, KPB dan MPB di Kementerian Kesihatan Malaysia
- 2.2 Menggariskan langkah-langkah keselamatan anggota dan peralatan pergigian sebelum, semasa dan selepas menyampaikan perkhidmatan pergigian *outreach*.
- 2.3 Menjadi dokumen rujukan dan bahan latihan untuk anggota pergigian.

### **3. SKOP**

Garis Panduan ini digunakan dalam penyampaian perkhidmatan pergigian melalui PPB, KPB dan MPB kepada semua lapisan masyarakat secara *outreach* di taska, tadika, pra sekolah, sekolah, institusi, komuniti dan lain-lain. Perkhidmatan melalui MPB secara khususnya meliputi institusi warga emas, kawasan luar bandar, golongan berstatus sosioekonomi rendah/terpinggir di bandar, golongan yang berjauhan dari klinik pergigian dan penduduk di komuniti mengikut sasaran yang ditetapkan.

### **4. DEFINISI**

#### **4.1 PERKHIDMATAN PERGIGIAN *OUTREACH***

Perkhidmatan pergigian *outreach* adalah perkhidmatan mesra masyarakat yang diberikan di luar fasiliti pergigian KKM. Perkhidmatan secara *outreach* diberikan berdasarkan perancangan yang telah dibuat atau mengikut keperluan semasa.

#### **4.2 PASUKAN PERGIGIAN BERGERAK**

Pasukan Pergigian Bergerak merupakan pasukan yang terdiri daripada anggota pergigian dan dilengkapi dengan peralatan pergigian mudahalih untuk memberikan perkhidmatan kesihatan pergigian secara *outreach*. Pergerakan PPB adalah melalui darat, air dan udara.

#### **4.3 KLINIK PERGIGIAN BERGERAK**

Klinik Pergigian Bergerak merupakan kenderaan yang diubahsuai menjadi klinik pergigian yang dilengkapi dengan peralatan pergigian statik untuk memberikan perkhidmatan pergigian secara *outreach*. Antara KPB yang sedia ada ialah bas, *trailer*, *coaster* dan *caravan*.

#### **4.4 MAKMAL PERGIGIAN BERGERAK**

Makmal Pergigian Bergerak adalah kenderaan yang diubahsuai menjadi makmal pergigian yang dilengkapi dengan peralatan makmal untuk menyediakan perkhidmatan pembuatan dan pembaikan dentur secara *outreach*. MPB beroperasi bersama KPB atau PPB dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat termasuk pergerakan merentasi sempadan negeri di mana wajar. MPB terdiri daripada satu / dua unit *workstation*.

## 5. PELAKSANAAN

### 5.1 PASUKAN PERGIGIAN BERGERAK

#### 5.1.1 Perancangan Sebelum Aktiviti/Lawatan PPB

- a) Rancang perkhidmatan kesihatan pergigian secara *outreach* melalui analisa situasi berdasarkan:
  - i. Pencapaian tahun-tahun sebelumnya
  - ii. Strategi dan sasaran yang ditentukan di peringkat kebangsaan atau negeri
  - iii. Maklumbalas daripada mesyuarat yang berkaitan
  - iv. Permohonan dan permintaan daripada sekolah, institusi dan komuniti
  - v. Ketersediaan sumber manusia dan kewangan
- b) Dapatkan senarai nama sekolah, institusi dan komuniti beserta dengan maklumat yang berkaitan dan nombor telefon untuk dihubungi dari Pejabat Pendidikan Daerah/ Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan institusi berkaitan.
- c) Maklumkan kepada Ketua/Pengarah institusi, pihak sekolah, Ketua Kampung/Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) atau pegawai yang bertanggungjawab di lokasi aktiviti *outreach* mengenai jadual lawatan PPB
- d) Mohon bilik/tapak/ruang yang selamat untuk anggota dan peralatan pergigian.
- e) Tentukan sasaran tahunan, jadual lawatan dan strategi pelaksanaan program kesihatan pergigian *outreach* di sekolah, institusi dan komuniti.
- f) Tentukan kaedah pengangkutan PPB ke lokasi perkhidmatan kesihatan pergigian *outreach* sama ada menggunakan pengangkutan darat, air atau udara.

##### 5.1.1.1 Persediaan PPB Menggunakan Pengangkutan Darat

Sebelum memulakan perjalanan melalui pengangkutan darat, langkah-langkah berikut perlu diambilkira dan dilaksanakan:

- a) Tetapkan tarikh lawatan, bilangan anggota PPB terlibat dan lokasi aktiviti dilaksanakan.
- b) Semak persediaan bagi pemandu sebelum memulakan perjalanan (**Lampiran 1**).
- c) Dapatkan kebenaran bertulis untuk peralatan pergigian/aset alih yang akan digunakan daripada Ketua Jabatan/Pegawai Aset/Pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Jabatan dengan melengkapi Borang Permohonan Pergerakan/Pinjaman Aset Alih, KEW.PA-9 (**Lampiran 2**). Rujuk **Lampiran 3** untuk Proses Kerja Pergerakan, Penjagaan Dan Keselamatan Aset Bagi Perkhidmatan Pergigian *Outreach*, **Lampiran 3a** Buku

Pergerakan Kunci Bilik Rawatan Pergigian, **Lampiran 4** dan **carta alir 4a** Pengendalian Peralatan Pergigian Semasa Menggunakan Pengangkutan Darat.

- d) Maklumkan perjalanan menggunakan pengangkutan darat kepada pegawai kenderaan bagi klinik pergigian/pejabat berkenaan.

#### **5.1.1.2 Persediaan PPB Menggunakan Pengangkutan Air**

Sebelum memulakan perjalanan melalui pengangkutan air, langkah-langkah berikut perlu diambil kira dan dilaksanakan:

- a) Tetapkan tarikh lawatan, bilangan anggota PPB terlibat, peralatan yang akan digunakan dan lokasi aktiviti dilaksanakan.
- b) Dapatkan maklumat berkaitan cuaca, keadaan ombak laut dan keadaan sungai dari pihak berkaitan.
- c) Kenalpasti agensi pengendali pengangkutan air yang terlibat.
- d) Berikan taklimat kepada anggota PPB mengenai perjalanan tersebut.
- e) Mohon kelulusan untuk bertugas rasmi di luar pejabat dengan melengkapi **Lampiran 5**.
- f) Dapatkan maklumat anggota PPB seperti nama, jantina, umur, berat badan dan orang yang boleh dihubungi semasa kecemasan.
- g) Tentukan anggaran berat keseluruhan (anggota PPB dan peralatan) yang akan dibawa semasa aktiviti *outreach* supaya tidak melebihi had muatan.
- h) Semak persediaan bagi anggota PPB yang menggunakan pengangkutan air (**Lampiran 6**).
- i) Pastikan kelulusan dari Ketua Jabatan secara bertulis diperolehi bagi pelaksanaan aktiviti *outreach* yang menggunakan pengangkutan air.
- j) Dapatkan kebenaran bertulis untuk peralatan pergigian/aset alih yang akan digunakan daripada Ketua Jabatan/Pegawai Aset/Pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Jabatan dengan melengkapi Borang Permohonan Pergerakan/Pinjaman Aset Alih, KEW.PA-9 (**Lampiran 2**). Rujuk **Lampiran 3** untuk Proses Kerja Pergerakan, Penjagaan Dan Keselamatan Aset Bagi Perkhidmatan Pergigian *Outreach*, **Lampiran 3a** Buku Pergerakan Kunci Bilik Rawatan Pergigian, **Lampiran 7** dan **carta alir 7a** Pengendalian Peralatan Pergigian Semasa Menggunakan Pengangkutan Air.
- k) Maklumkan perjalanan menggunakan pengangkutan air kepada pihak berkuasa atau agensi tempatan seperti pihak polis, maritim, Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) dan lain-lain.

### 5.1.1.3 Persediaan PPB Menggunakan Pengangkutan Udara

Sebelum memulakan perjalanan melalui pengangkutan udara, langkah-langkah berikut perlu diambil kira dan dilaksanakan:

- a) Tetapkan tarikh lawatan, bilangan anggota PPB terlibat, peralatan yang digunakan dan lokasi aktiviti dilaksanakan.
- b) Kenalpasti agensi pengendali pengangkutan udara yang terlibat.
- c) Penerbangan hanya boleh dilakukan mengikut jadual penerbangan harian yang telah disediakan seperti di dalam *flight plan*. Perubahan destinasi penerbangan/sebarang lokasi pendaratan selain dari yang telah ditentukan oleh *flight plan* tidak dibenarkan sama sekali kecuali disebabkan oleh faktor cuaca, masalah teknikal pesawat atau dengan kelulusan pihak jabatan kesihatan negeri terlebih dahulu.
- d) Mohon kelulusan untuk bertugas rasmi di luar pejabat dengan melengkap **Lampiran 5**.
- e) Pastikan kelulusan dari Ketua Jabatan secara bertulis diperolehi bagi pelaksanaan aktiviti *outreach* yang menggunakan pengangkutan udara.
- f) Dapatkan kebenaran bertulis untuk peralatan pergigian/aset alih yang akan digunakan daripada Ketua Jabatan/Pegawai Aset/Pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Jabatan dengan melengkap Borang Permohonan Pergerakan/Pinjaman Aset Alih, KEW.PA-9 (**Lampiran 2**). Rujuk **Lampiran 3** untuk Proses Kerja Pergerakan, Penjagaan Dan Keselamatan Aset Bagi Perkhidmatan Pergigian *Outreach*, **Lampiran 3a** Buku Pergerakan Kunci Bilik Rawatan Pergigian, **Lampiran 8** dan **carta alir 8a** Pengendalian Peralatan Pergigian Semasa Menggunakan Pengangkutan Udara.
- g) Berikan taklimat kepada anggota PPB mengenai perjalanan menggunakan pengangkutan udara tersebut.
- h) Semak persediaan bagi anggota PPB yang menggunakan pengangkutan udara (**Lampiran 9**).
- i) Dapatkan maklumat anggota PPB seperti nama, jantina, umur, berat badan dan orang yang boleh dihubungi semasa kecemasan.
- j) Tentukan anggaran berat keseluruhan (anggota PPB dan peralatan) yang akan dibawa semasa aktiviti *outreach* supaya tidak melebihi had muatan.
- k) Sebarang objek peribadi atau peralatan lain selain keperluan harian dan perubatan tidak dibenarkan dibawa ke dalam pesawat. Sekiranya perlu, kebenaran daripada juruterbang pesawat diperlukan terlebih dahulu.

- l) Anggota PPB mahupun juruterbang tidak dibenarkan sama sekali membawa individu lain kecuali pesakit yang dirujuk bersama seorang ahli keluarga di dalam sebarang penerbangan perkhidmatan ini.
- m) Juruterbang perlu memberikan penerangan mengenai tatacara keselamatan sebelum pesawat berlepas. Sekiranya ia tidak dilakukan, anggota yang terlibat harus mengambil inisiatif dan bertanya kepada juruterbang untuk penerangan ringkas.
- n) Semua anggota PPB wajib mematuhi segala arahan keselamatan daripada pihak syarikat pembekal perkhidmatan helikopter.
- o) Semua anggota PPB haruslah mengikuti langkah-langkah keselamatan yang dikeluarkan oleh pihak syarikat penerbangan seperti sentiasa memakai tali pinggang keselamatan dan menggunakan alat pelindung telinga. Semua anggota (termasuk penumpang yang dibenarkan jika ada) wajib akur kepada sebarang keputusan keselamatan yang dibuat oleh juruterbang.
- p) Anggota yang terlibat harus mengetahui tatacara keselamatan semasa hendak keluar dari pesawat untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku. Semua anggota tidak dibenarkan keluar dari pesawat sehingga enjin pesawat dimatikan atau sehingga rotor berhenti berputing.

### **5.1.2 Semasa Aktiviti/Lawatan PPB Menggunakan Pengangkutan Darat, Air Dan Udara.**

Jalankan pemeriksaan, pencegahan klinikal, rawatan pergigian dan aktiviti promosi kesihatan pergigian ke atas toddler/murid pra sekolah, murid sekolah, warga institusi dan penduduk di komuniti mengikut perancangan yang ditetapkan dan berdasarkan garis panduan mengikut kumpulan sasaran.

### **5.1.3 Selepas Aktiviti/Lawatan PPB Menggunakan Pengangkutan Darat, Air Dan Udara.**

- a) Semak pergerakan aset bagi sebelum/tamat aktiviti *outreach* program kesihatan pergigian KKM (**Lampiran 10**).
- b) Pastikan senarai semak, laporan, reten dan pengurusan rekod yang berkaitan dilengkapi dan ditandatangani.
- c) Pastikan anggota PPB dan aset pergigian yang terlibat selamat sampai dari destinasi perkhidmatan *outreach* tersebut.
- d) Rujuk 'Senarai semak tugas pemandu selepas tamat perjalanan' (**Lampiran 11**).

#### **5.1.4 Keperluan Sumber Manusia Untuk PPB**

PPB terdiri daripada Pegawai Pergigian, Juruterapi Pergigian, Pembantu Pembedahan Pergigian, Pembantu Perawatan Kesihatan dan Pemandu mengikut outfit perjawatan.

#### **5.1.5 Pengurusan Aset Dan Kenderaan Untuk PPB**

- a) Pengurusan kenderaan hendaklah memastikan bahawa setiap kenderaan berada dalam keadaan yang selamat dan optimum untuk setiap perjalanan. Ini berasaskan kepada amalan terbaik dari aspek penyelenggaraan kenderaan, pemeriksaan kenderaan, pematuhan kepada piawaian teknikal dan peralatan keselamatan.
- b) Jadual penyelenggaraan berkala (*Planned Preventive Maintenance*), penyeliaan teknikal serta pembaikan dan penggantian peralatan PPB adalah di bawah tanggungjawab Juruteknologi Pergigian, Pegawai Pergigian Yang Menjaga (PPYM), dan Pegawai Pergigian Daerah (PPD) (**Lampiran 12 dan 12a**).

#### **5.1.6 Proses Kerja Di PPB**

Prosedur kerja bagi PPB adalah seperti di **Lampiran 13**. Aktiviti *outreach* semasa wabak COVID-19 adalah mengikut Garis Panduan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Pandemik COVID-19 No. 2/2020 / arahan semasa yang berkuatkuasa.

### **5.2 KLINIK PERGIGIAN BERGERAK**

#### **5.2.1 Perancangan Sebelum Aktiviti/Lawatan KPB**

- a) Jadual lawatan KPB ditetapkan oleh PPYM klinik di mana KPB ditempatkan dan PPD. Jadual juga boleh ditentukan mengikut arahan dari pihak atasan terutamanya apabila melibatkan perkhidmatan merentasi daerah atau negeri apabila diperlukan.
- b) Maklumkan penganjur/pengurus lokasi yang bertanggungjawab mengenai jadual program lawatan.
- c) Tetapkan tarikh lawatan, bilangan anggota kesihatan pergigian terlibat, lokasi aktiviti dilaksanakan serta aturcara aktiviti yang akan dijalankan.
- d) Perkhidmatan yang dirancang perlu mengikut kesesuaian masyarakat yang akan diberi perkhidmatan (dari segi kumpulan sasaran, waktu perkhidmatan, jenis rawatan dan sebagainya).

- e) Perincian perkhidmatan seperti jadual, tempat dan masa lawatan, hendaklah dihebahkan terlebih dahulu kepada masyarakat setempat.
- f) Semak persediaan bagi pemandu sebelum memulakan perjalanan (**Lampiran 1**).
- g) Mohon kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan/Pegawai Aset/Pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Jabatan untuk pergerakan peralatan pergigian dengan melengkapinya dengan Borang Permohonan Pergerakan/Pinjaman Aset Alih, KEW.PA-9 (**Lampiran 2**). Rujuk **Lampiran 4** dan **carta alir 4a** untuk Pengendalian Peralatan Pergigian Semasa Menggunakan Pengangkutan Darat.
- h) Dapatkan maklumat berkaitan lokasi aktiviti *outreach*:
  - i. Ruangan parkir yang mencukupi
  - ii. Tapak parkir KPB yang bersesuaian dan selamat.
  - iii. Mendapatkan maklumat sumber bekalan air dan elektrik yang bersesuaian dengan keperluan KPB.

### 5.2.2 Semasa Aktiviti/Lawatan KPB

#### Pengurusan kenderaan

- a) Gunakan alat penahan untuk menstabilkan KPB jika perlu.
- b) KPB diletakkan di kawasan berdekatan dengan sumber elektrik dan air.
- c) Persiapan untuk memulakan kerja-kerja klinikal di KPB.

#### Sumber bekalan elektrik

- a) Pasang generator yang disediakan.
- b) Gunakan bekalan elektrik Tenaga Nasional (15 Amp.) dari dewan serbaguna, sekolah dan lain-lain mengikut jenis KPB.
- c) Melalui *docking station* (jika ada).

#### Sumber bekalan air

- a) Tangki air hendaklah dipastikan sentiasa diisi penuh dan dilengkapi dengan sistem pam.
- b) Air dari pili berhampiran juga boleh digunakan.
- c) Melalui *docking station* (jika ada).

#### Sisa klinikal dan sisa pembuangan tajam

- a) Sebuah tangki mengumpul sisa bendalir klinikal mesti disediakan.
- b) Menyediakan tong sisa klinikal pepejal dan tajam.

### **5.2.3 Selepas Pelaksanaan Aktiviti KPB**

- a) Semak senarai pergerakan aset bagi sebelum/tamat aktiviti *outreach* program kesihatan pergigian KKM (**Lampiran 10**).
- b) Kemaskan wayar elektrik dan saluran paip jika berkaitan.
- c) Pastikan semua almari, laci dan pintu dikunci serta peralatan mudah alih diikat dengan cermat agar tidak bergerak ketika dalam perjalanan.
- d) Apabila tamat rawatan, sisa bendalir klinikal perlu disalurkan ke tangki septik. Sisa klinikal pepejal dan tajam perlu dibawa balik ke klinik pergigian dan dibuang mengikut prosedur yang ditetapkan.
- e) Semak senarai tugas pemandu selepas tamat perjalanan (**Lampiran 11**).
- f) KPB dibawa balik ke klinik selepas program selesai.

### **5.2.4 Keperluan Sumber Manusia Untuk KPB**

KPB beroperasi atas jawatan yang dikhaskan mengikut outfit perjawatan (mengikut bilangan kerusi pergigian) atau atas anggota klinik pergigian sedia ada. Pasukan terdiri daripada Pegawai Pergigian, Juruterapi Pergigian, Pembantu Pembedahan Pergigian, Pembantu Perawatan Kesihatan dan Pemandu (Kelas E) dan diketuai oleh seorang Pegawai Pergigian yang dipertanggungjawabkan oleh PPD.

### **5.2.5 Pengurusan Aset Dan Kenderaan Untuk KPB**

- a) Pengurusan kenderaan hendaklah memastikan bahawa setiap kenderaan berada dalam keadaan yang selamat dan optimum untuk setiap perjalanan. Ini berasaskan kepada amalan terbaik dari aspek penyelenggaraan kenderaan, pemeriksaan kenderaan, pematuhan kepada piawaian teknikal dan peralatan keselamatan.
- b) Pastikan aset dan kenderaan diselenggara mengikut jadual yang ditetapkan (**Lampiran 12 dan 12a**).

### **5.2.6 Proses Kerja KPB**

Prosedur kerja perkhidmatan Klinik Pergigian Bergerak seperti di **Lampiran 14**. Aktiviti *outreach* semasa wabak COVID-19/wabak lain (jika ada) adalah mengikut Garis Panduan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Pandemik COVID-19 No. 2/2020 / arahan semasa.

## 5.3 MAKMAL PERGIGIAN BERGERAK

### 5.3.1 Perancangan Sebelum Aktiviti/Lawatan MPB

- a) Jadual lawatan MPB ditetapkan oleh PPYM/PPD di mana MPB ditempatkan. Jadual juga boleh ditentukan mengikut arahan dari pihak atasan terutamanya apabila melibatkan perkhidmatan merentasi daerah atau negeri apabila diperlukan. MPB akan beroperasi bersama KPB/PPB.
- b) Memaklumkan penganjur/pengurus lokasi yang bertanggungjawab di lokasi aktiviti *outreach* mengenai jadual program lawatan.
- c) Tetapkan tarikh lawatan, bilangan anggota kesihatan pergigian terlibat, lokasi aktiviti dilaksanakan serta aturcara aktiviti yang akan dijalankan.
- d) Perkhidmatan yang dirancang perlu mengikut kesesuaian masyarakat yang akan diberi perkhidmatan (dari segi kumpulan sasaran, waktu perkhidmatan dan berdasarkan temujanji).
- e) Semak persediaan bagi pemandu sebelum memulakan perjalanan (**Lampiran 1**).
- f) Mohon kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan/Pegawai Aset/Pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Jabatan untuk pergerakan peralatan pergigian dengan melengkapi Borang Permohonan Pergerakan/Pinjaman Aset Alih, KEW.PA-9 (**Lampiran 2**). Rujuk **Lampiran 4** untuk Pengendalian Peralatan Pergigian Semasa Menggunakan Pengangkutan Darat dan **carta alir 4a**.
- g) Dapatkan maklumat berkaitan lokasi aktiviti *outreach*:
  - i. Ruang parkir yang mencukupi
  - ii. Tapak parkir MPB yang bersesuaian dan selamat.
  - iii. Mendapatkan maklumat sumber bekalan air dan elektrik yang bersesuaian dengan keperluan MPB.

### 5.3.2 Semasa Pelaksanaan Aktiviti/Lawatan MPB

- a) Pengurusan Kenderaan
  - i. MPB diletakkan di lokasi yang sesuai dan kawasan berdekatan dengan sumber elektrik dan air.
  - ii. Gunakan alat penahan untuk menstabilkan MPB jika perlu
- b) Sumber bekalan elektrik
  - i. Pasang generator yang disediakan atau gunakan bekalan elektrik dari sumber yang ada di kawasan setempat.

- ii. Pastikan pintu generator sentiasa terbuka untuk mengelakkan *over heat – automatic stop*.
- c) Sumber bekalan air
  - i. Tangki air (dilengkapi dengan sistem pam) hendaklah dipastikan sentiasa diisi penuh
  - ii. Air dari pili berhampiran juga boleh digunakan
- d) Proses pembuatan dentur

Proses pembuatan dentur hendaklah mengikut garis panduan *Guidelines For Occupational Safety and Health in the Dental Laboratory* dan Pelan Pengurusan Operasi Perkhidmatan Makmal Pergigian.
- e) Sistem buangan sisa cecair dan pepejal
  - i. Menggunakan tangki mengumpul air buangan yang disediakan di MPB di mana terdapat plaster/*wax trap* bagi menapis plaster/*wax*. Perangkap (*trap*) perlu dibersihkan setiap hari. Setelah tamat rawatan, air buangan perlu disalurkan ke saluran yang sesuai dengan menggunakan hos yang disediakan.
  - ii. Menguruskan sisa pepejal mengikut garis panduan *Guidelines for Occupational Safety and Health in the Dental Laboratory*.

### **5.3.3 Selepas Pelaksanaan Aktiviti/Lawatan MPB**

- a) Semak senarai pergerakan aset bagi sebelum/tamat aktiviti *outreach* program kesihatan pergigian KKM (**Lampiran 10**).
- b) Bersihkan segala kekotoran dan habuk didalam makmal
- c) Pastikan semua suis ditutup dan kemaskan wayar elektrik dan saluran paip jika berkaitan.
- d) Pastikan semua almari, laci dan pintu dikunci serta peralatan mudah alih diikat dengan cermat agar tidak bergerak ketika dalam perjalanan.
- e) Semak senarai tugas pemandu selepas tamat perjalanan (**Lampiran 11**).

### **5.3.4 Keperluan Sumber Manusia Untuk MPB**

MPB beroperasi atas jawatan yang dikhaskan mengikut outfit perjawatan (mengikut bilangan workstation). Pasukan terdiri daripada Juruteknologi Pergigian (JTP), Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK) dan Pemandu (Kelas E).

Pegawai Pergigian bertanggungjawab menyelia perkhidmatan MPB secara keseluruhan. JTP bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas mengikut senarai tugas JTP di samping mengawasi keperluan makmal.

### **5.3.5 Pengurusan Aset Dan Kenderaan Untuk MPB**

- a) MPB akan dilengkapi dengan peralatan pergigian (**Lampiran 15**). Inventori peralatan akan didaftarkan di bawah klinik pergigian di mana MPB ini berpangkalan serta diwujudkan senarai inventori di MPB berkenaan mengikut prosedur pengurusan aset semasa.
- b) Jadual penyelenggaraan berkala (*Planned Preventive Maintenance*), penyeliaan teknikal serta pembaikan dan penggantian peralatan MPB adalah di bawah tanggungjawab Juruteknologi Pergigian Kanan Daerah, PPD dan Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) [TPKN(G)] (**Lampiran 12 dan 12a**).

### **5.3.6 Proses Kerja MPB**

Proses kerja pembuatan dentur penuh dan separa di MPB (**Lampiran 16**). Aktiviti *outreach* semasa wabak COVID-19 adalah mengikut Garis Panduan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Pandemik COVID-19 No. 2/2020 / arahan semasa.

## **6. PEMANTAUAN DAN PENILAIAN**

### **6.1 PASUKAN PERGIGIAN BERGERAK**

Pemantauan oleh pihak pengurusan perlu diadakan melalui:

- a) Pemeriksaan mengejut aset oleh PPD, PPYM, Penyelia Juruterapi Pergigian atau Juruterapi Pergigian Kanan.
- b) Pemeriksaan tahunan/berkala aset di bawah pengurusan aset alih kerajaan, KEW.PA- 11 dan KEW.PA-12 (**Lampiran 17 dan Lampiran 18**).
- c) Lain- lain  
Pemantauan Audit ISO, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), kewangan, pengurusan risiko dan lain-lain.

Penilaian

Penilaian perlu dijalankan secara berkala oleh PPYM/PPD berdasarkan

- i. Penghasilan output (reten) harian/bulanan untuk aktiviti yang menggunakan PPB

- ii. Kepuasan pelanggan
- iii. Risiko

## **6.2 KLINIK PERGIGIAN BERGERAK**

Pemantauan program KPB dibuat oleh PPD/PPYM.

a) Laporan Bulanan Klinik/ Daerah/ Negeri bagi KPB

Format Reten KPB versi 2/2014 (**Lampiran 19**) perlu dilengkapkan dan dihantar ke Pejabat TPKN(G) dan PKPKKM tiga bulan sekali.

b) Laporan Penggunaan KPB

Laporan penggunaan KPB perlu dihantar ke Pejabat PPD dan Pejabat TPKN(G) setiap bulan (**Lampiran 20**).

c) Laporan Perbelanjaan

Kos pembaikan, penyelenggaraan dan lain-lain perbelanjaan seperti kos bahan api untuk kenderaan dan generator, tuntutan lebih masa dan sebagainya perlu direkodkan di **Lampiran 21** dan dihantar ke Pejabat PPD serta Pejabat TPKN(G) setiap bulan atau sebaik sahaja kerja selesai.

d) Kepuasan Pelanggan (**Lampiran 22** dan **22b**)

Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan Luaran dan Dalaman peringkat negeri dibuat secara berkala dan dipantau/analisa oleh PPYM/PPD.

e) Pemeriksaan tahunan/berkala aset di bawah pengurusan aset alih kerajaan, KEW.PA- 11 dan KEW.PA-12 (**Lampiran 17** dan **Lampiran 18**).

f) Lain- lain

Pemantauan Audit ISO, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), kewangan, pemeriksaan mengejut, pengurusan risiko dan lain-lain.

### Penilaian

Penilaian perlu dijalankan secara berkala oleh PPYM/PPD/TPKN(G) di mana KPB ditempatkan bagi tujuan penambahbaikan yang berterusan. Penilaian perkhidmatan oleh KPB dinilai dari segi:

- iv. Peningkatan akses kepada perkhidmatan pergigian
- v. Kos
- vi. Kepuasan pelanggan
- vii. Risiko

### 6.3 MAKMAL PERGIGIAN BERGERAK

Perkara-perkara berikut perlu dipantau setiap bulan oleh pejabat TPKN(G)/PPD dan laporan perlu disediakan dan dihantar ke Program Kesihatan Pergigian (PKP) KKM setiap 3 bulan.

a) Beban Kerja

Rekod reten menggunakan format sedia ada bagi pesakit luar (PG 207, PG205, PG105) perlu diisi dan dihantar ke PKPKKM dengan menggunakan **Lampiran 23**.

b) Penggunaan

Rekod jadual lawatan ke institusi, kampung dan lain-lain lokasi perlu dihantar ke Pejabat PPD dan Pejabat TPKN(G) setiap bulan.

Pemeriksaan tahunan/berkala aset di bawah pengurusan aset alih kerajaan, KEW.PA- 11 dan KEW.PA-12 (**Lampiran 17** dan **Lampiran 18**).

c) Kos Operasi

Kos pembaikan, penyelenggaraan dan lain-lain perbelanjaan seperti kos bahan api untuk kenderaan dan generator, tuntutan lebih masa dan sebagainya perlu direkodkan dan dihantar ke Pejabat PPD serta Pejabat TPKN(G) setiap bulan atau sebaik sahaja kerja selesai (**Lampiran 21**).

#### Penilaian

Penilaian perlu dijalankan secara berkala oleh PPYM/PPD di mana MPB ditempatkan. Laporan penilaian keberkesanan perkhidmatan oleh MPB harus merangkumi:

- i) Penghasilan (output) dentur mengikut bulan (PG 205)
- ii) Penghasilan (output) dentur mengikut lokasi (jika berkaitan)
- iii) Impak atas bilangan kes menunggu dan masa menunggu mendapat dentur (KPI) (jika berkaitan)
- iv) Kos
- v) Kepuasan pelanggan (**Lampiran 24**).
- vi) Risiko

### 7. CAJ/ BAYARAN PERKHIDMATAN PESAKIT BAGI AKTIVITI *OUTREACH*

Semua pelanggan yang menikmati perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada prosedur kewangan yang berkuatkuasa.

- a) Semua pelanggan yang menerima perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada Perintah Fi (Perubatan 1982) dan Pindaan 1994 serta peraturan-peraturan yang berkuatkuasa.

- b) Sebarang Pengecualian caj perkhidmatan/rawatan hendaklah merujuk kepada pekeliling yang berkuatkuasa, seperti Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bilangan 1 Tahun 2013 berhubung Pengecualian Bayaran Caj Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di Luar Hospital/Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (**Lampiran 25**).
- c) Pembuatan gigi palsu melalui MPB adalah dikenakan caj berdasarkan Perintah Fi (Perubatan 1982).

## **8. LANGKAH KESELAMATAN**

### **8.1 PPB, KPB DAN MPB**

Pengangkutan darat merupakan kaedah utama pergerakan anggota PPB, KPB dan MPB bagi menyampaikan perkhidmatan pergigian *outreach*. Pengangkutan lain seperti air dan udara perlu digunakan oleh anggota PPB di sesetengah kawasan yang tidak boleh diakses melalui jalan darat. Kepatuhan kepada prosedur keselamatan harus diutamakan oleh semua anggota kesihatan pergigian semasa melaksanakan tanggungjawab termasuk perjalanan pergi dan balik dari tempat bertugas. Prosedur keselamatan untuk anggota PPB, KPB dan MPB perlu diamalkan pada setiap masa untuk mengurangkan risiko termasuklah semasa menggunakan pengangkutan darat, air dan udara. Disamping itu, pihak pengurusan hendaklah memainkan peranan aktif dan komited untuk melindungi keselamatan kakitangan.

#### **8.1.1 PPB Menggunakan Pengangkutan Darat, KPB dan MPB**

##### **A. Pengurusan Risiko Perjalanan Menggunakan Pengangkutan Darat**

- 1. Kenalpasti faktor risiko:
  - a) Kompetensi pemandu untuk menjalankan tugas sebagai pemandu dengan baik. Pengurusan perlu memimpin dan melaksanakan program pengurusan pemandu berdasarkan amalan terbaik yang merangkumi latihan pemandu, penggiliran pemandu, disiplin dan tanggungjawab pemandu, jadual pemandu dan keselamatan kenderaan (**Lampiran 26 dan 27**).
  - b) Persekitaran seperti kawasan berbukit, tanah runtuh, banjir, haiwan melintas, kerja pembaikan jalan, risiko di jalan raya, keadaan permukaan jalan darat dan keadaan cuaca (**Lampiran 28**).
  - c) Pengangkutan darat adalah berdaftar, diselenggara secara berkala serta mempunyai peralatan keselamatan yang berfungsi dengan baik seperti tali pinggang keselamatan, alat pemadam api, tayar ganti dan lain-lain.

- d) Pengangkutan darat tidak melebihi muatan yang dihadkan.
- e) Kenderaan mesti dilengkapi dengan alat pemadam api yang berfungsi, tidak luput tarikh dan diletakkan di sudut yang sesuai.
- f) Dalam keadaan di mana kenderaan tidak dapat meneruskan perjalanan akibat bencana alam (tanah runtuh, banjir dan sebagainya), petugas perlu memaklumkan klinik di mana ia berpangkalan.
- g) KPB dan MPB perlu diletakkan di tempat yang selamat dan di bawah pemantauan sekiranya bermalam di tapak program/ lokasi aktiviti.
- h) KPB dan MPB perlu mempunyai pelan keselamatan kenderaan yang mengikut peraturan agensi/ pihak berkuasa.
- i) Pintu kecemasan serta "exit plan" mesti disediakan untuk KPB dan MPB serta dipaparkan untuk kecemasan. Pastikan tiada halangan di pintu kecemasan.
- j) Tiada anggota dibenarkan berada di dalam KPB dan MPB semasa kenderaan bergerak.
- k) Semua peralatan di KPB dan MPB perlu disimpan dalam kabinet/laci berkunci dan peralatan lain adalah dipasang dengan kemas dan selamat sebelum memulakan perjalanan.
- l) Peralatan yang mudah terbakar perlu diletakkan di bahagian belakang KPB dan MPB dan jauh daripada sumber haba.
- m) Anggota yang baru ditempatkan di KPB dan MPB perlulah menjalani latihan bagi pengendalian KPB dan MPB.
- n) Semua prosedur di dalam MPB hendaklah mematuhi aspek keselamatan seperti garis panduan keselamatan di makmal pergigian dan kawalan jangkitan silang yang berkuatkuasa.

2. Laksanakan latihan keselamatan dan menangani keadaan kecemasan di darat dengan pihak yang berkuasa secara berkala:

- a) Taklimat dan demonstrasi penggunaan peralatan keselamatan seperti alat pemadam api dan simbol-simbol jalan raya.
- b) Pemantauan kenderaan sebelum dan selepas memulakan perjalanan (**Lampiran 1 dan 11**).
- c) Teknik asas *cardiopulmonary resuscitation* (CPR).

## B. Pelan Tindakan Kecemasan

### Tindakan Semasa Berlaku Kecemasan

1. Bertenang, minta bantuan dan hubungi 999 serta beri makluman awal.
2. Ambil tindakan seterusnya mengikut langkah-langkah yang digariskan berdasarkan situasi seperti di bawah;
  - a) Kenderaan rosak atau terkandas dalam perjalanan (**Lampiran 29** dan **carta alir 29a**)
  - b) Kemalangan jalanraya (**Lampiran 30** dan **carta alir 30a**)
  - c) Kebakaran kenderaan (**Lampiran 31** dan **carta alir 31a**)
  - d) Kehilangan dan hapus kira aset alih kerajaan (**Lampiran 32**)
3. Utamakan keselamatan anggota PPB terlebih dahulu sebelum menyelamatkan peralatan pergigian dalam situasi-situasi kecemasan/insiden.

## C. Laporan Dan Penyiasatan Kemalangan/Insiden

1. Maklumkan kemalangan/insiden kepada Ketua Jabatan dengan segera.
2. Laporkan kemalangan atau insiden kepada pihak berkuasa dalam tempoh 24 jam.
3. Menghubungi dan memaklumkan ahli keluarga mangsa tentang kejadian.
4. Kenalpasti status peralatan sama ada masih baik, rosak atau hilang semasa kemalangan/insiden dan buat laporan kepada Ketua Jabatan dengan segera.
5. Buat laporan polis dalam tempoh 24 jam mengenai kehilangan peralatan pergigian dan isi Borang Aduan Kerosakan Aset Alih (KEW.PA-10) untuk peralatan pergigian yang rosak semasa insiden (**Lampiran 33**).
6. Ketua Jabatan menyediakan Laporan Awal Kehilangan Aset Alih KEW.PA-33 dan mengemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (**Lampiran 34**).
7. Data dan rekod kemalangan, aduan, latihan, pengurusan kenderaan, pengurusan pemandu, pengurusan risiko perjalanan dan audit perlu didokumenkan dengan teratur supaya mudah disemak (**Lampiran 35**).

### **8.1.2 PPB Menggunakan Pengangkutan Air**

#### A. Pengurusan Risiko Perjalanan Menggunakan Pengangkutan Air

1. Kenalpasti faktor risiko:
  - a) Keadaan cuaca dengan merujuk kepada laman sesawang seperti [www.met.gov.my](http://www.met.gov.my) dan aplikasi myCuaca yang dibangunkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC).

- b) Keadaan permukaan air laut dan air sungai, keadaan ombak dan keadaan arus sungai.
- c) Pengangkutan air adalah berdaftar dan mempunyai peralatan keselamatan seperti jaket keselamatan, pelampung/boya, tali laut dan alat pemadam api.
- d) Bot seimbang sepanjang masa dan tidak melebihi had muatan.

2. Laksanakan latihan keselamatan dalam menangani keadaan kecemasan di air dengan pihak yang berkuasa secara berkala:

- a) Taklimat dan demonstrasi penggunaan peralatan keselamatan seperti alat pemadam api dan simbol-simbol yang digunakan
- b) Penggunaan jaket keselamatan (**Lampiran 36**).
- c) Kaedah meninggalkan bot pada situasi kecemasan
- d) Teknik asas menyelamatkan diri di permukaan air
- e) Teknik asas *cardiopulmonary resuscitation* (CPR)

#### B. Pelan Tindakan Kecemasan

Tindakan Semasa Berlaku Kecemasan

1. Bertenang, bunyikan wisel berulang kali, jerit minta bantuan dan hubungi 999 serta beri makluman awal.
2. Ambil tindakan seterusnya mengikut langkah-langkah yang digariskan berdasarkan situasi seperti di bawah;
  - a) Bot rosak atau terkandas dalam perjalanan (**Lampiran 37** dan **carta alir 37a**).
  - b) Bot karam (**Lampiran 38** dan **carta alir 38a**).
  - c) Anggota PPB terjatuh ke dalam air dari jeti atau bot (**Lampiran 39** dan **carta alir 39a**).
  - d) Kebakaran atas bot (**Lampiran 40** dan **carta alir 40a**).
  - e) Rampasan bot (**Lampiran 41** dan **carta alir 41a**).
  - f) Kehilangan dan hapus kira aset alih kerajaan (**Lampiran 32**).
3. Utamakan keselamatan anggota PPB terlebih dahulu sebelum menyelamatkan peralatan pergigian dalam situasi-situasi kecemasan/insiden.

#### C. Laporan Dan Penyiasatan Kemalangan/Insiden

1. Maklumkan kemalangan/insiden kepada Ketua Jabatan dengan segera.
